



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalthadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 26 (December 2023)

Tokoh dan Karya *Thabat Musnid* Wanita dalam *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat Karya al-Mar'ashli*

[*The Prominent Figures and Thabat Works of Women Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat Karya al-Mar'ashli*]

FARHAH ZAIKAR BINTI MOHAMED RAMLI¹* PHAYILAH YAMA¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

* Corresponding Author: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah , Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia, farhahzaidar.edu.my, 0105148069

Keywords:

Thabat, musnid, women, al-Mar'ashli, sanad encyclopaedia.

ABSTRACT

The genealogical chain of sanad of Islamic knowledge is still preserved as documentation in a work known as al-thabat or also called sanad work. This work was written by Islamic scholars with the status of al-musnid. The main purpose for producing thabat works is to maintain the continuity of Islamic knowledge throughout the ages as well as to preserve it from disappearing over time. Therefore, the Islamic world has an encyclopedia of scientific knowledge that records thousands of al-musnid and al-thabat works of over 15 centuries entitled Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat. This work of al-Mar'ashli also lists 27 female musnid figures and 31 works of their thabat. However, their identity is almost never revealed. While at the same time the involvement of women in this arena needs to be known so that it becomes a source of inspiration for the current female scholars to actively continue the legacy. Therefore, this study aims to introduce the background of female figures and their works of thabat as contained in this sanad encyclopedia. Data was collected based on content analysis methods and data analysis was done descriptively. Findings show that there are only five centuries that appeared to come out with the list of women musnid in this encyclopedia particularly the seventh, eighth, ninth, 14th and 15th centuries. The findings of this study will provide the the profile of the prominent figures and their works. The discussion involved four specifications of the discovery namely longevity, contributing country, category of author and involvement factor. The implications of the study show that the commitment of Muslims in mastering the knowledge has not been determined by gender factor. In fact, men and women work together in collaboration in order to build expertise in Islamic knowledge, including the knowledge of sanad narration based on the al-sama' and al-ijaza methods, which then are systematically documented in works of the thabat category.

Kata Kunci:

ABSTRAK

Thabat, musnid, wanita, al-Mar'ashli, ensiklopedia sanad.

Rantian salasilah sanad ilmu-ilmu Islam masih lagi kekal terpelihara secara dokumentasi dalam karya yang dikenali sebagai *al-thabat* atau juga disebut karya sanad. Karya ini dikarang oleh ilmuwan Islam yang berstatus *al-musnid*. Tujuan utama karya *thabat* dihasilkan adalah untuk mengekalkan kesinambungan sanad keilmuan Islam sepanjang zaman serta terpelihara daripada lenyap ditelan zaman. Lantaran itu dunia Islam memiliki ensiklopedia sanad ilmu yang merekodkan ribuan *al-musnid* dan karya *al-thabat* sepanjang 15 kurun berjudul *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat*. Karya susunan al-Mar'ashli ini turut menyenaraikan 27 orang tokoh *musnid* wanita beserta 31 buah karya *thabat* mereka. Namun pengenalan tentang mereka hampir tidak pernah didedahkan. Sedangkan pada masa yang sama penglibatan wanita dalam arena ini perlu diketahui supaya ia menjadi sumber inspirasi kepada komuniti ilmuwan wanita semasa agar turut aktif menyambung legasi keilmuan ini pada masa kini. Justeru kajian bertujuan untuk memperkenalkan latar belakang tokoh wanita beserta karya *thabat* mereka sebagaimana yang terkandung dalam ensiklopedia sanad ini. Data dikumpul berlandaskan metode analisis kandungan serta analisis data dilakukan secara deskriptif. Dapatan menunjukkan terdapat lima kurun sahaja iaitu kurun ke tujuh, lapan, sembilan, 14 dan 15H yang menyenaraikan *musnid* wanita dalam ensiklopedia ini. Dapatan memperincikan profil tokoh beserta karya tersebut. Perbincangan membabitkan empat spesifikasi penemuan iaitu umur panjang, negara penyumbang, kategori penyusun karya dan faktor penglibatan. Implikasi daripada kajian menunjukkan komitmen umat Islam dalam menguasai kesarjanaan ilmu adalah tidak mengenal jantina. Malahan lelaki dan wanita bergandingan dalam usaha membina kepakaran ilmu Islam termasuk ilmu periwayatan sanad berasaskan metode *al-sama'* dan *al-ijazah* yang kemudiannya didokumentasikan secara sistematik dalam karya kategori *thabat*.

Received: September 30, 2023

Accepted: October 31, 2023

Online Published: December 31, 2023

1. Pengenalan

Kemuliaan kedudukan wanita dalam Islam adalah hasil daripada kepimpinan cemerlang utusan Allah SWT iaitu Rasulullah SAW. Baginda SAW memimpin para wanita semenjak zaman hayat baginda SAW berdasarkan pedoman wahyu yang mengiktiraf kehidupan mereka setaraf dan hampir mustahil ditemui perbezaan layanan atau diskriminasi penglibatan dalam segala segi kehidupan. Lantaran itu wanita muslim pada setiap zaman sentiasa mendapat peluang secara terbuka untuk terlibat memajukan status masing-masing dalam pelbagai arena kehidupan tertakluk kepada kecenderungan sendiri (al-Nadwi, 2021).

Justeru wanita muslim memiliki kesempatan yang luas untuk menuntut ilmu bergandingan dengan saudara-saudara lelaki dalam kehidupan mereka sama ada terdiri daripada bapa, suami, anak lelaki, cucu lelaki atau anak murid lelaki dalam pelbagai lapangan ilmu. Ia termasuk lapangan ilmu periwayatan salasilah sanad ilmu-ilmu pengajian Islam terutama ilmu hadis. Sejajar dengan itu, dunia Islam hampir tidak pernah gagal dalam melahirkan tokoh-tokoh ilmuwan wanita yang dalam konteks perbincangan ini ia dimaksudkan sebagai tokoh *musnid* yang memiliki karya-karya *thabat* atau sanad (al-Shahawi, 2014 & Muhammad 'Atiyya, 2017).

al-Musnid pada mulanya, merupakan seorang perawi yang meriwayatkan suatu hadis yang disertai dengan menyebutkan sanad, iaitu sumber ambilannya sama ada ia mempunyai ilmu atau sekadar meriwayatkannya semata-mata (al-Khatib, 1989). Ia merupakan takrifan asal yang bertepatan dengan fenomena riwayat hadis pada kurun pertama hingga kelima hijrah. Namun seiring pembukuan hadis, corak amali sanad telah ditransformasi sebagai periwayatan kitab hadis bermula kurun keenam hijrah (al-Mar'ashli, 2002 & al-Nadwi, 2021). Sejajar

dengan perkembangan ini, takrifan mutakhir *al-musnid* disinonimkan semula sebagai ahli yang bergiat aktif meluaskan periwayatan rantaian sanad ilmu hadis dan juga lain-lain rantaian sanad ilmu-ilmu pengajian Islam berteraskan kitab-kitab *turath* dengan menghasilkan karya-karya yang mendokumenkan rantaian tersebut secara sistematik yang disebut sebagai *thabat* atau karya sanad serta memiliki *ijazah* persambungan riwayat daripada jalur guru timur dan barat dunia Islam (al-Tarmasi, 1987 & Mahmud Mamduh, 2009).

Oleh yang demikian itu, karya *thabat* dapat dirujuk sebagai sejenis karya sanad yang menghimpun rantaian sanad keilmuan pengarang yang diperolehi daripada para guru *al-musnid* menerusi aplikasi secara adaptasi metode-metode *al-tahammul* seperti *al-sama'* (pendengaran), *al-'ard* (pembacaan) atau *ijazah* berteraskan kitab-kitab *turath* hadis mahu pun lain-lain kitab dalam pengajian Islam. (Ghassan 'Isa, 2014 & al-Ghawri, 2007). Karya *thabat* juga disebut dengan istilah-istilah lain seperti *al-mashyakhah*, *al-ma'ajim*, *al-fihrist* dan *al-barnamaj*. Meskipun istilah-istilah ini berbeza, tetapi kandungan dan motif penulisan masih lagi serupa dengan takrifan *thabat* yang sebenar.

Secara umumnya terutama dalam konteks hadis, susur galur rantaian ini adalah bertaut kepada pengarang kitab *turath* hadis serta paras tertinggi rantaian seterusnya akan turut langsung terhubung sampai kepada Rasulullah s.a.w. (Abu Ghuddah, 1992 & Brown, 2009). Ia merupakan tujuan umum yang ingin dicapai dalam kegiatan periwayatan salasilah sanad pada setiap zaman. Dengan itu, pengekalan persambungan sanad dapat dikekalkan antara generasi demi generasi sehingga kini (Ibn Salah 2003 & al-Kattani, 1982). Hal ini yang menjadi punca kegiatan *musnid* dan dokumentasi karya *thabat* konsisten diteruskan dalam landskap keilmuan Islam serta relevan tanpa batasan masa. Dalam erti kata lain, jika hal penjagaan kesinambungan rantaian sanad diabaikan, syariat Islam bersumberkan hadis bakal mendepani ancaman pemutusan serta perpisahan antara syariat dengan sumbernya yang asal iaitu Rasulullah SAW dalam konteks sanad (al-Dihlawi, 2009).

Sehubungan dengan itu, terdapat sebuah ensiklopedia sanad terbesar serta terbaik yang mengandungi maklumat tuntas tentang segala cabang pengetahuan tentang keilmuan sanad, tokoh *musnid* dan karya *thabat* sepanjang 15 kurun iaitu berjudul *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat*. Ia merupakan penulisan agung terdiri daripada empat jilid serta 2641 halaman yang berjaya dihasilkan oleh *musnid* kentemporari yang masyhur dikenali sebagai al-Mar'ashli atau nama penuh beliau ialah Abu Muhammad Yusuf bin 'Abd al-Rahman bin Fu'ad al-Husayni al-Mar'ashli.


Pada masa yang sama, ensiklopedia ini turut berjaya merekodkan penemuan 27 tokoh *musnid* wanita serta 31 buah karya sanad mereka. Penemuan ini amat memberangsangkan kerana kewujudan sejumlah kecil tokoh *musnid* wanita dalam kalangan ribuan *musnid* lelaki dalam ensiklopedia ini dapat menjadi bukti empirikal pengiktirafan penglibatan wanita dalam arena periwayatan ilmu-ilmu Islam. Justeru, adalah penting untuk makalah ini memperkenalkan kesemua tokoh berkenaan supaya dapat menjadi sumber inspirasi kepada generasi terkini untuk turut sama mengaktifkan diri terlibat meneruskan legasi para tokoh wanita terbabit. Perincian selanjutnya diuraikan sebagaimana berikut.

2. Latar Belakang Pengarang



Gambar 1 : Abu Muhammad Yusuf bin 'Abd al-Rahman bin Fu'ad al-Husayni al-Mar'ashli
(<https://www.facebook.com/dr.marashly/>)

Nama lengkap pengarang ialah Abu Muhammad Yusuf bin ‘Abd al-Rahman bin Fu’ad al-Husayni al-Mar‘ashli al-Bayruti. Beliau merupakan tokoh besar *musnid* kontemporari kurun ke 15 kelahiran Beirut, Lubnan. Dilahirkan pada tahun 1372H. Beliau membesar dalam lingkungan keluarga ilmuwan. Bapanya seorang penghafal al-Quran. Sejak kecil beliau banyak menyaksikan ketekunan bapanya yang banyak menyibukkan diri dengan aktiviti pengajian ilmu seperti kerap kali mengunjungi guru-guru *al-qurra*’ untuk tujuan menyemak bacaan al-Quran beliau. Bapa beliau juga komited mengikuti pengajian ilmu dan majlis zikir. Justeru bapa beliau menjadi sumber inspirasi awal dalam mencetuskan serta merangsang ketekunan dan kecenderungan menuntut ilmu dalam jiwa al-Mar‘ashli sehingga beliau berhasil bergraduasi dengan memperolehi empat jenis ijazah kesarjanaan dalam pengajian peringkat tinggi di universiti negara kelahirannya (al-Mar‘ashli, 2002). Rajah 1 berikut memperincikan kronologi pengajian al-Mar‘ashli untuk peringkat pengajian tinggi.



Rajah 1 Pengajian Tinggi al-Mar‘ashli (2002)

Kajian sarjana dan kedoktoran al-Mar‘ashli adalah dalam bidang tahkik manuskrip kitab-kitab *turath*. *Tahqiq kitab al-‘Umdah fi Gharib al-Quran* karya Makki bin Abi Talib al-Qaisi al-Qayrawani (w.437H) merupakan judul penyelidikan beliau pada peringkat sarjana. Seterusnya, untuk peringkat doktor falsafah pada kali pertama iaitu pada tahun 1984, beliau bergraduasi dengan tesis berjudul *Tahqiq kitab al-Muktafa fi al-waqfi wa al-Ibtida*’ karya Imam Abi ‘Amru ‘Uthman bin Sa’id al-Dani al-Andalusi (w.444H). Manakala untuk pengajian doktor falsafah kali kedua iaitu pada tahun 1991, beliau bergraduasi dengan tesis berjudul *‘Ilmu Gharib al-Quran Dirasah wa tahqiq risalatayn* karya Ibn ‘Abbas. Seterusnya al-Mar‘ashli melanjutkan khidmat kepakaran beliau dalam bidang tahkik manuskrip kitab *turath* dengan mengasaskan penubuhan dua pertubuhan iaitu Pusat Kajian Manuskrip dan Dar al-Ma’rifa di Beirut pada tahun 1404H sehingga 1409H (al-Mar‘ashli 2002).

Seterusnya, beliau memajukan sumbangan beliau dalam bidang kepakaran tahqiq dengan menerima jawatan sebagai penyelidik di Pusat Khidmat Sunnah dan Sirah Nabawi di Madinah iaitu daripada tahun 1409-1419H. Setelah itu, beliau kembali ke Beirut serta seterusnya di kemuncak kerjaya, beliau berpeluang menggalas jawatan pensyarah di Kulliyah Syariah Universiti Islam Beirut sejak tahun 1419H. (al-Mar‘ashli, 2002)

Al-Mar‘ashli (2002) pada masa yang sama, cenderung mengaktifkan diri dalam arena *talaqqi* ilmu-ilmu pengajian Islam berlandaskan metode *al-qira’ah* dan *al-ijazah*. Beliau memiliki 17 orang guru sanad berasaskan metode *al-qira’ah* dan 164 guru sanad berasaskan metode *ijazah riwayat* khusus dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu Islam. Jadual 1 dan Jadual 2 berikut memperincikan sebahagian contoh nama-nama guru *al-qira’ah* dan *al-ijazah* tersebut.

Jadual 1 Guru al-Qira’ah

BIL	NAMA GURU AL-QIRA'AH	TEMPOH PERGURUAN (SUHBAH)	NAMA KITAB
1.	Shaykh Samir Taha al-Majdhub al-Bayruti	20 TAHUN	<i>Riyad al-Salihin Imam al-Nawawi</i> <i>Muqaddimah Ibn al-Salah</i>
2.	Shaykh Hussayn Ahmad 'Asiran al-Saydawi	4 tahun	<i>Al-Musalsal bi al-Awwaliyah</i> <i>Awa'il al-Kutub al-Sittah</i> <i>Sahih al-Bukhari (Khatam Penuh)</i> <i>Sahih Muslim (Setengah awal kandungan sehingga sampai pertengahan kitab al-Nikah)</i> <i>Al-Awa'il al-'Ajluniyyah</i>
3.	Shaykh 'Ashiq Ilahi al-Barni al-Hindi al-Madani	-tidak dinyatakan	<i>Jami' al-Tirmidhi (Jilid Pertama)</i> <i>Nukhba al-Fikar Ibn Hajar al-'Asqalani</i> <i>Al-Baiquniyyah</i>
4.	Shaykh Muhammad Zakariyya al-Bukhari al-Madani	-tidak dinyatakan	<i>Al-Arba'in al-Nawawiyyah</i>

Sumber al-Mar'ashli (2002)

Al-Mar'ashli (2002) mendalami kefaqihan serta kepakaran ilmu al-Quran, Hadis, Bahasa Arab, Fiqah, Tafsir, Tajwid dan Usul fiqh menerusi metode *al-qira'ah* kitab-kitab bersangkutan di hadapan guru. Jadual 1 di atas memperincikan empat nama guru *al-qira'ah* beliau dalam bidang hadis sahaja sebagai contoh beserta 10 buah kitab hadis terpilih yang dibaca secara terlatih di bawah bimbingan guru-guru tersebut.

Seterusnya jadual 2 memperincikan contoh 15 orang guru *ijazah riwayat al-khassah* al-Mar'ashli (2002) daripada 164 orang jumlah keseluruhan guru-guru dalam kategori ini. 15 orang guru ini dipilih sebagai mewakili contoh berdasarkan 14 buah negara Islam termasuk Mekah dan Madinah yang merupakan tanah kelahiran serta bumi hijrah Rasulullah SAW. Kedua-duanya merupakan asal usul tapak penurunan wahyu al-Quran dan Hadis serentak bermulanya penyebaran salasilah sanad ilmu-ilmu syariat Islam.

Jadual 2 Guru al-Ijaza al-Khassa

BIL	NAMA GURU IJAZA RIWAYA AL-KHASSA	NEGARA GURU
1.	Shaykh Muhammad Yasin bin Muhammad 'Isa al-Fadani al-Makki (w.1410H)	MEKAH
2.	'Umar bin Muhammad bin Muhammad Bakr Fulana al-Madani (w.1418H)	MADINAH
3.	Ahmad bin Muhammad bin Muhammad Zubara Mufti al-Yaman (w.1421H)	YAMAN
4.	Safiyy al-Rahman al-Mubarakfuri al-Hindi	INDIA
5.	Ahmad Muhyi al-Din al-'Ajuz al-Bayruti (w.1416H)	LUBNAN
6.	Shaykh Rifa'at Fawzi 'Abd al-Mutallib al-Misri	MESIR
7.	Shaykh 'Abd al-Fattah bin Muhammad Bashir Abu Ghuddah al-Halabi (w.1417H)	SYIRIA
8.	Shaykh Hamdi 'Abd al-Majid bin Isma'il al-Kurdi al-'Iraqi	IRAQ
9.	Muhammad Yusuf Abu al-Hasan al-Dayyanawi al-Bakistani	PAKISTAN
10.	Al-Tayyib bin 'Ali bin 'Uthman al-Tunisi	TUNISIA
11.	'Abd al-Subhan bin 'Abd al-Majid Nur al-Din al-Burmawi (w.1421H)	BURMA
12.	Shaykh Ibrahim bin Muhammad bin al-Siddiq al-Ghumari al-Maghribi	MORROCO
13.	'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani	
14.	Fatima al-Shifa binti Ahmad al-Sharif al-Sanusri Permaisuri Libya	LIBYA
15.	'Abd Allah bin al-Mahfuz Bayyah al-Mauritani	MAURITANIA

Sumber al-Mar'ashli (2002)

Jadual 2 turut memaparkan tokoh-tokoh hadis ternama yang pada masa yang sama merupakan tokoh-tokoh *musnid* yang menjadi sumber mutakhir penyebaran salasilah sanad pengajian Islam pada kurun ini seperti Shaykh Muhammad Yasin bin Muhammad ‘Isa al-Fadani al-Makki (w.1410H) dan Shaykh Ibrahim bin Muhammad bin al-Siddiq al-Ghumari al-Maghribi.

Dalam erti kata lain, 164 orang guru tersebut telah memeterai keizinan khas kepada al-Mar‘ashli untuk meriwayatkan salasilah sanad ilmu pengajian Islam berdasarkan salasilah mereka. Dengan itu, al-Mar‘ashli (2002) memiliki syarat yang mencukupi untuk mengaktifkan proses periwayatan sanad seperti menyusun, menyelenggara, mendokumentasi, mentahkik serta menerbitkan ensiklopedia sanad serta lain-lain karya *thabat*.

Sepanjang terlibat dalam dunia keilmuan Islam, al-Mar‘ashli (2002) berhasil menerbitkan 52 penulisan. Jadual 3 berikut hanya memperincikan tujuh judul karya kategori *thabat* yang dihasilkan oleh al-Mar‘ashli.

Jadual 3 Penulisan Karya *Thabat* / Sanad

BIL	NAMA KARYA <i>THABAT</i>
1.	<i>Al-Anwar al-‘Aliyyah bi al-Asanid al-Mar‘ashliyyah</i>
2.	<i>Mu‘jam al-Ma‘ajim wa al-Mashyakhat wa al-Athbat wa al-Baramij</i>
3.	<i>Al-Nafhah al-Miskiyyah bi Asanid Shaykh Hassan al-Dimashqiyyah (w. 1412H)</i>
4.	<i>Mil‘ al-Kauz bi Asanid al-Shaykh Ahmad al-‘Ajuz (w. 1416H)</i>
5.	<i>Al-Jawahir wa al-La‘ali fi Asanid al-Shaykh Mukhtar al-‘Al‘alayali (w.1405H)</i>
6.	<i>Al-Istizada wa al-Tamli min Asanid al-Shaykh Mahmud al-Shumaytili (w.1421H)</i>
7.	<i>Al-Faruq fi Asanid al-Shaykh Muhammad al-Da‘awaq (w.1416H)</i>

Sumber al-Mar‘ashli (2002)

Karya bilangan kedua dalam jadual 3 di atas merupakan karya yang menjadi fokus perbincangan dalam makalah ini. Ia dihuraikan sebagaimana berikut.

3. Latar belakang Karya



Gambar B Muka Hadapan Karya (<https://waqfeya.net/book.php?bid=7675>)

Nama lengkap karya ini adalah *Mu‘jam al-Ma‘ajim wa al-Mashyakhat wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat*. Menurut al-Mar‘ashli (2002) judul karya ini adalah bertepatan dengan kandungannya yang memuatkan profil 1760 orang *al-musnid* atau pengamal sanad ilmu-ilmu pengajian Islam merangkap pengarang kitab-kitab sanad sama ada yang dikenali dengan istilah *mu‘jam al-shuyukh*, *al-mashyakhat*, *al-faharis*, *al-baramij* dan *al-athbat*. Al-Mar‘ashli menjelaskan dalam mukadimah bahawa karya ini adalah bertaraf ensiklopedia sanad



terbesar. Berikutan ia menghimpunkan 3225 buah karya sanad yang hampir kebanyakan diberi judul berdasarkan empat istilah sebagaimana yang tertera pada muka hadapan karya (Gambar B Muka hadapan karya).

Motif al-Mar'ashli (2002) menghasilkan karya besar yang terdiri empat jilid terbitan al-Maktabah al-Rushd, Riyadh adalah sebagai kemudahan sumber rujukan kepada para pengkaji dalam arena kajian *al-athbat* serta rantaian salasilah sanad ilmu pengajian Islam. Dalam erti kata lain, sumber rujukan yang signifikan dalam menyorot penerbitan karya sanad yang pernah dihasilkan oleh para musnid sepanjang 15 kurun termasuk data-data detail judul dan penerbitan karya. Al-Mar'ashli (2002) menetapkan keputusan untuk memfokus penerbitan karya ini bersandarkan solat istikharah. Ia memandangkan menurut beliau, ketentuan sanad sebagai antara salah satu ilmu tinggalan yang penting dalam warisan keilmuan Islam sukar disangkal sama sekali. Justeru perlu sebuah ensiklopedia yang hampir lengkap yang membincangkan sejarah permulaan serta perkembangan, metodologi penyusunan, reka bentuk kandungan serta gaya penulisan kitab-kitab sanad ilmu terutama yang berjudul *al-mashyakhah* dan *ma'ajim al-shuyukh*.

Selain itu, menurut al-Mar'ashli (2002) penyelidikan serta penerbitan bersangkutan rantaian guru dalam *al-mashyakhah* atau *ma'ajim al-shuyukh* dan seumpamanya telah banyak dibuat oleh ilmuwan Islam dan juga bukan Islam dalam kalangan orientalis. Namun, kajian dan penerbitan dalam lingkungan ilmuwan Islam masih terbatas dalam bentuk makalah-makalah berskala kecil seperti contoh sekitar 6 halaman, 22 halaman serta paling banyak pun sekadar 87 halaman. Beliau juga mengemukakan lapan judul penerbitan kajian karya sanad yang diusahakan oleh penyelidik orientalis yang menunjukkan mereka sedang terkehadapan dalam memberi tumpuan terhadap bidang ini.

Pada masa yang sama, sumber rujukan berkaitan salasilah keilmuan Islam ini masih terhad iaitu dapat dibilang dengan jari. Ia hanya terbatas kepada karya *Fihrist al-Faharis* susunan Muhammad 'Abd al-Hayy al-Kattani (w.1387H) serta sebuah risalah kecil terdiri sekitar 121 halaman yang berjudul *Kutub al-Faharis wa al-Baramij waqi'uha wa Ahammiyyatuha* susunan Abi 'Abd al-Rahman ibn 'Aqil al-Zahiri. Karya *Fihrist al-Faharis* susunan Muhammad 'Abd al-Hayy al-Kattani (w.1387H) pula meskipun karya utama dalam arena ini tetapi masih banyak lagi karya-karya *thabat* terdahulu yang tidak dimuat pengenalannya dalam karya beliau. Jurang ini menyebabkan al-Mar'ashli memutuskan untuk menghasilkan ensiklopedia besar yang dapat menampung keciciran pengenalan biodata *al-musnid* dan karya-karya sanad generasi terdahulu serta pada masa yang sama mengemas kini kandungan penulisan dengan memuatkan profil tokoh musnid mutakhir serta karya-karya sanad mereka. Justeru karya ini amat mustahak dalam menambah koleksi berharga dalam khazanah perpustakaan dunia Islam (al-Mar'ashli, 2002).

Dalam konteks metodologi penyusunan, al-Mar'ashli (2002) mengemukakan mukadimah yang menggariskan enam topik penting yang memuatkan penjelasan pengarang berkaitan latar belakang penghasilan karya. Ia terdiri daripada topik kemuliaan dan kepentingan ilmu sanad, kajian lepas tentang ilmu *mu'jam shuyukh*, penglibatan golongan orientalis, kajian spesifik berkaitan, manhaj penyusunan ensiklopedia dan kandungannya serta sumber rujukan kajian.

Kajian al-Mar'ashli (2002) menunjukkan bahawa karya sanad ilmu adalah terdiri daripada pelbagai metode penyusunan dan beragam penjudulan. Ia terdiri daripada metode dan judul seperti *faharis al-shuyukh*, *ma'ajim*, *kutub al-marwiyyat*, *al-mashyakhah*, *al-fawa'id*, *al-ahadith dari shaykh*, *al-athbat*, *al-baramij*, *al-asanid*, *al-musalsalat*, *al-'awali*, *al-awa'il*, *al-ijazat*, *al-arba'inat 'al-shuyukh*, *al-arba'inat al-mutabayinah*, *al-buldaniyyah*, *al-rahalat al-isnadiyyah*. Justeru beliau memuatkan kesemua sekali dalam karya ini. Ia adalah kerana kandungan kesemua jenis karya ini masih serupa dalam aspek memuatkan rantaian salasilah sanad berkesinambungan menerusi guru dalam pelbagai bidang ilmu pengajian Islam walaupun metode, gaya penyusunan serta judul karya tidak seragam.

Para *musnid* disusun atur berdasarkan awal akhir tahun kewafatan serta dikelompokkan berasaskan kurun bermula kurun pertama hijrah sehingga sampai kurun ke 15 hijrah. *Musnid* pertama yang diprofilkan dalam karya ini ialah Abu Hurayrah RA (w.57H). Sejajar dengan itu judul karya sanad pertama yang dipetik dalam karya ini ialah *Sahifah Hammam bin al-Munabbih 'an Abi Hurayrah*. *Musnid* paling akhir yang dimuatkan dalam karya adalah pengarang sendiri. Serentak dengan itu judul karya sanad terakhir yang dipetik dalam karya

ini adalah salah satu karya *thabat* beliau sendiri berjudul *Al-Faruq fi Asanid al-Shaykh Muhammad al-Da'awaq (w.1416H)*(al-Mar'ashli, 2002).

Al-Mar'ashli (2002) menjelaskan bahawa rujukan utama beliau dalam memperolehi maklumat berkaitan tokoh *musnid* dan karya sanad mereka adalah menerusi karya-karya *al-mashyakhah* yang dimuatkan dalam kandungan ensiklopedia ini sendiri serta kitab-kitab kategori sejarah umum, sejarah kurun dan bandar secara khusus. Karya *al-Mu'jam al-Mufahris* susunan Ibn Hajar al-'Asqalani merupakan sumber mustahak dalam aspek penemuan karya sanad generasi lampau (kurun 9-3H) iaitu terdiri sekitar 500 buah karya serta *Fihris al-Faharis* susunan 'Abd al-Hayy al-Kattani merupakan sumber terpenting dalam aspek penemuan sebanyak 563 buah karya sanad generasi mutakhir (kurun 10-14H). Pengarang juga menyatakan beliau turut merujuk pelbagai manuskrip yang tersimpan di perpustakaan-perpustakaan dunia Islam pada masa karya tersebut dihasilkan.

Seterusnya analisis kandungan berteraskan tujuan makalah ini iaitu pencarian taburan *musnid* wanita atau *musnidah* sebagaimana yang diprofilkan dalam karya ini berhasil dipaparkan dalam jadual 5 berikut.

Jadual 5 Taburan Jumlah *Musnidah* dan Karya *Thabat* dalam *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat* Karya al-Mar'ashli

KURUN HIJRAH	JUMLAH MUSNIDAH	JUMLAH KARYA	KURUN HIJRAH	JUMLAH MUSNIDAH	JUMLAH KARYA		
1H	-TIADA-	-TIADA-	8H	8 ORANG	10 KARYA		
2H			9H	12 ORANG	13 KARYA		
3H			-TIADA-	-TIADA-	10H	-TIADA-	-TIADA-
4H					11H		
5H					12H		
6H					13H		
7H			5 ORANG	6 KARYA	14H	1 ORANG	1 KARYA
			15H	1 ORANG	1 KARYA		
TOTAL MUSNIDAH : 27 ORANG			TOTAL KARYA : 31 BUAH				

Sumber al-Mar'ashli (2002)

Jadual 5 menunjukkan terdapat 27 orang *musnidah* beserta 31 buah karya sanad yang dihubungkan dengan mereka. Penemuan ini seterusnya dapat dihuraikan sebagaimana berikut demi mencapai tujuan penulisan makalah ini.

4. Dapatan Kajian

Dapatan dihuraikan secara deskriptif berasaskan lima topik berikut.

4.1 Tokoh dan Karya *Thabat Musnid* Wanita Kurun ke 7H

4.1.1 Ummu Muhammad al-Maqdisiyyah (550-618H)

Merupakan tokoh ilmuwan wanita kelahiran Iskandariyya. Beliau diberi julukan *shaykhah salihah*. Nama lengkap beliau ialah Khadijah ibnah al-Qadi al-Ajal al-Anjab Abi al-Mukaram al-Mufaddal bin 'Ali bin Mufarraj bin Hatim bin Hasan al-Maqdisiyyah. Beliau juga merupakan saudara perempuan kepada tokoh ulama bernama al-Hafiz Abi al-Hasan 'Ali. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang diselenggarakan untuk beliau oleh murid beliau yang dikenali sebagai Zakiyy al-Din Abi Muhammad 'Abd al-'Azim bin 'Abd al-Qawiyy al-Mundhiri (w.656H). Murid ini menjelaskan bahawa beliau mengeluarkan sejujukan susur galur salasilah periwiyatan sanad ilmu guru beliau tersebut yang diriwayatkan oleh gurunya secara *ijazah* daripada sejumlah

para guru beliau. Setelah itu, murid ini turut menyambung periwayatan secara *به حديثه* dan *وسمعه منها* dan berperantaran jujuk tersebut yang kemudiannya diberi judul *Mashyakhah Ummu Muhammad al-Maqdisiyyah* (al-Mar'ashli, 2002).

4.1.2 Karimah al-Zubayriyyah (545-641H)

Merupakan tokoh *musnidah* yang nama lengkapnya ialah Ummu al-Fadl Karimah Ibnah al-Shaykh al-Ajal Abi Muhammad 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin Khadir bin 'Abd Allah bin 'Ali al-Qurayshiyah al-Asadiyyah al-Zubayriyyah al-Dimashqiyyah. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau. Ia berjudul *Mashyakhah Karimah al-Zubayriyyah*. Karya ini diselenggarakan oleh tokoh bernama Zakiyy al-Din Abi 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin Yaddas al-Birzali (636H). Menurut al-Dhahabi, tokoh ini telah menyelenggara serta menyusun salasilah sanad ilmu Karimah al-Zubayriyyah dalam karya tersebut sebanyak 8 jujuk (al-Mar'ashli, 2002).

4.1.3 Mu'nisa Khatun (603-693H)

Nama lengkap tokoh ialah Mu'nisa Khatun bint al-Malik al-'Adil Abi Bakr bin Ayyub bin Shadhi bin Marwan al-Ayyubi. Disebut dengan sebutan Dar Iqbal. Terdapat dua karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu *Suba'iyyat Mu'nisa Khatun* dan *Thamaniyyat Mu'nisa Khatun*. Kedua-dua karya tersebut diselenggara dan disusun oleh tokoh bernama Zayn al-Din Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin 'Abd Allah ibn al-Zahiri al-Hanafi (w.696H). al-Taqiyy al-Fasi menjelaskan bahawa tokoh ini mengeluarkan salasilah sanad tinggi kategori *suba'iyyat* dan *thamaniyyat* yang diriwayatkan oleh Mu'nisa Khatun secara *al-ijazah* daripada sejumlah guru beliau. Setelah itu, penyusun meriwayatkannya pula daripada Mu'nisa Khatun secara *به حديثها* pada tahun 992H pada bulan Ramadhan di rumah beliau (al-Mar'ashli, 2002).

4.1.4 Sayyidah al-Marraniyyah (w.695H)

Merupakan tokoh ilmuwan wanita yang dimartabatkan sebagai *shaykhah al-muhaddithah al-musnidah*. Nama lengkapnya ialah Ummu Muhammad Sayyidah binti Musa bin 'Uthman bin Darbas al-Marraniyyah al-Misraniyyah. Informasi terhadap beliau agak terbatas. Tidak banyak maklumat ditemui kecuali terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Sayyidah bint Musa al-Marraniyyah bi al-Ijazah*. Ia terdiri daripada dua jujuk (al-Mar'ashli, 2002).

4.1.5 'Aishah al-Maqdisiyyah (611-697H)

Merupakan tokoh ilmuwan wanita yang disifatkan sebagai *shaykhah al-salihah al-'abidah*. Nama lengkap beliau ialah Ummu Ahmad 'Aishah bint Abi al-Majd 'Isa ibn al-'allamah Muwaffiq al-Din Abi Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah. Tidak banyak informasi berkaitan tokoh ini. Hanya terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Asharah Ahadith 'an Asharah min al-Mashayikh alladhina Ajazu li 'Aishah bint al-Majd 'Isa ibn Qudamah*. Bertepatan dengan judul, karya ini mengandungi 10 buah hadis menerusi jalur sanad 10 orang guru yang diijazahkan kepada penerima daripada 'Aishah al-Maqdisiyyah (al-Mar'ashli, 2002).

4.2 Tokoh dan Karya Thabat Musnid Wanita Kurun ke 8H

4.2.1 Shuhdah bint al-'Adim (619-w.709H)

Merupakan tokoh ilmuwan wanita Halab, Syria yang berumur panjang sekitar 90 tahun. Nama lengkap beliau ialah Shuhdah bint al-Sahib Kamal al-Din 'Umar bin Ahmad bin Hibat Allah ibn Abi Jarradah. Bapa beliau merupakan pengarang ternama untuk kitab berjudul *Bughyat al-Talab fi Tarikh Halab*. Tidak banyak informasi tentang tokoh ini. Hanya terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Shuhdah binti al-'Adim*. Judul ini ada disebut dalam karya *A'lam al-Ruwat al-Muhaddithin* (al-Mar'ashli, 2002).

4.2.2 Zahidah (w.717H)

Merupakan tokoh wanita terbilang lagi solehah. Nama lengkap beliau ialah Ummu al-Haya' Zahidah binti Muhammad bin 'Abd Allah al-Zahiri. Informasi tentang beliau agak terbatas. Terdapat hanya sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Zahidah*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ilmuwan yang dikenali sebagai Fakhr al-Din 'Uthman bin Balaban al-Muqatili (w. 717H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.2.3. Habibah binti al-Zayn (654-733H)

Merupakan tokoh *musnid* wanita terbilang. Perempuan berkeperibadian solehah yang taat dan patuh perintah Allah SWT. Nama lengkap beliau ialah Habibah binti al-Zayn ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr Muhammad bin Ibrahim bin Ahmad bin ‘Abd al-Rahman bin Isma‘il bin Mansur al-Maqdisiyyah. Ummu Muhammad dan Ummu ‘Abd al-Rahman merupakan *kunyah* beliau. Beliau merupakan isteri kepada tokoh bernama Shams al-Din ibn al-Taj. Beliau juga mempunyai saudara perempuan yang bernama Khadijah dan Zaynab (al-Mar‘ashli, 2002).

Informasi tentang beliau agak terhad. Sanad ilmu-ilmu pengajian Islam beliau direkodkan dalam sebuah dokumen yang mengandungi kombinasi periwayatan tiga ilmuwan lain yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan beliau sebagaimana yang tertera pada judul. Dokumen tersebut berjudul *Mashyakhah Abi Bakr Ibn ‘Antar (w. 738H) wa Abi Bakr bin Muhammad ibn al-Rida (w. 738H) wa Zaynab binti al-Kamal (w. 740H) wa Habibah binti al-Zayn (w. 733H) alladhina ishtaraku fi al-riwayah ‘anhum*. Dokumen berharga tersebut menyenaraikan susur galur periwayatan sanad keilmuan yang mereka perolehi secara penggabungan atau bersekutu daripada 22 orang guru sanad (al-Mar‘ashli, 2002).

4.2.4. Zaynab al-Sulamiyyah (650-735H)

Ilmuwan wanita terbilang berkeperibadian solehah. Nama lengkap beliau ialah Ummu ‘Umar Zaynab binti Yahya ibn al-‘Allamah ‘Izz al-Din ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Salam al-Sulamiyyah al-Dimashqiyyah. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Ummu ‘Umar Zaynab binti Yahya bi al-Sama’*. Judul ini ada direkodkan dalam karya sanad/*thabat* Ibn Hajar al-‘Asqalani yang berjudul *al-Mu‘jam al-Mufahras* (al-Mar‘ashli, 2002).

4.2.5. ‘Aishah al-Harraniyyah (647-736H)

Merupakan tokoh wanita terbilang. Perempuan yang diberkati lagi terhormat. Nama lengkap beliau ialah Ummu Muhammad ‘Aishah binti Muhammad bin al-Musallam bin Salamah al-Harraniyyah. Informasi tentang beliau agak terhad. Terdapat hanya sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Ummu Muhammad ‘Aishah binti Muhammad bin al-Musallam al-Harraniyyah*. Ibn Hajar al-‘Asqalani menyenaraikan judul ini dalam dua buah karya sanad beliau iaitu *al-Majma‘ al-Mu‘assis* dan *al-Mu‘jam al-Mufahras* (al-Mar‘ashli, 2002).

4.2.6. Zaynab binti al-Kamal (646-740H)

Merupakan ilmuwan wanita terbilang. Perempuan solehah lagi baik pekerti. Nama lengkap beliau ialah Ummu ‘Abd Allah Zaynab binti al-Kamal Ahmad bin ‘Abd al-Rahim bin ‘Abd al-Wahid bin Ahmad al-Maqdisiyyah. Terdapat tiga karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau sebagaimana berikut (al-Mar‘ashli, 2002):

- Mashyakhah Ummu ‘Abd Allah Zaynab binti al-Kamal*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ilmuwan bernama Muhammad bin Yahya bin Muhammad ibn Sa‘ad al-Maqdisi (w. 759H). Ia terdiri daripada dua juzuk.
- Mashyakhah Abi Bakr Ibn ‘Antar (w. 738H) wa Abi Bakr bin Muhammad ibn al-Rida (w. 738H) wa Zaynab binti al-Kamal (w. 740H) wa Habibah binti al-Zayn (w. 733H) alladhina ishtaraku fi al-riwayah ‘anhum*. Karya ini telah dinyatakan dalam biodata Habibah binti al-Zayn (654-733H) sebelum ini yang merupakan saudara perempuan kepada tokoh ini.
- Juz’ min Marwiyyat Ummu ‘Abd Allah Zaynab binti al-Kamal*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ilmuwan bernama ‘Alam al-Din al-Birzali al-Qasim bin Muhammad bin Yusuf (w. 739H).

4.2.7. Fatimah binti al-‘Izz (656-748H)

Merupakan ilmuwan wanita terbilang yang berkeperibadian solehah. Nama lengkap beliau ialah Ummu Ibrahim Fatimah binti al-‘Izz Ibrahim ibn al-Khatib Sharaf al-Din ‘Abd Allah bin Abi ‘Umar Muhammad bin Ahmad al-Maqdisiyyah. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Fatimah binti al-‘Izz*. Karya ini terlebih awal telah direkodkan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam karya *thabat* berjudul *al-Mu‘jam al-Mufahras* (al-Mar‘ashli, 2002).

4.2.8. Amat al-‘Aziz (659-749H)

Tokoh besar *musnidah* kurun ke 8H. Nama lengkap beliau ialah Amat al-‘Aziz Ummu Muhammad Zaynab binti Isma‘il bin Ibrahim bin Salim bin Sa‘ad bin Rikab ibn Khabbaz al-Dimashqiyyah. Terdapat sebuah karya



sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Amat al-'Aziz*. Ia telah diriwayatkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dalam karya *thabat* beliau yang berjudul *al-Mu'jam al-Mufahras* (al-Mar'ashli, 2002).

4.3 Tokoh dan Karya Thabat Musnid Wanita Kurun ke 9H

4.3.1 Sitt al-Quda (720-801H)

Tokoh *musnidah* terbilang. Nama lengkap beliau ialah Sitt al-Quda bint 'Abd al-Wahhab bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqi. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Arba'un Hadithan 'an Shuyukh Sitt al-Quda*. Kitab ini diselenggara serta disusun oleh ilmuwan bernama Salah al-Din Khalil bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Aqfahsi (w.820H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.2 Sitt al-Kull (733-803H)

Tokoh ilmuwan wanita terbilang. Nama lengkap beliau ialah Ummu al-Husayn, Ummu al-'Afif 'Abd Allah Sitt al-Kull bint al-Zayn Ahmad bin Muhammad Ibn al-Zayn Ahmad bin Muhammad ibn al-Zayn Muhammad al-Qastallani al-Makki. Juga dikenali sebagai anak perempuan Rahmah iaitu nisbah kepada nama ibunya. Terdapat sebuah kitab sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Sitt al-Kull*. Kitab ini diselenggara serta disusun oleh ilmuwan bernama Salah al-Din Khalil bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Aqfahsi (w.820H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.3 Sitt al-Ahl (w.805H)

Tokoh ilmuwan wanita terbilang. Nama lengkap beliau ialah Hasnah bint Shaykh al-Radiyy Abi al-Yumn Muhammad ibn al-Imam al-Shihab Ahmad ibn al-Imam Radiyy al-Din Ibrahim al-Tabari al-Makkiyyah. Suami pertama beliau merupakan ilmuwan bernama 'Abd al-Malik bin Muhammad bin 'Abd al-Malik al-Marjani. Setelah itu beliau bernikah kali kedua dengan tokoh bernama al-Radi Muhammad ibn al-Muhib ibn al-Shihab ibn al-Radi al-Tabari. Terdapat sebuah kitab sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah Sitt al-Ahl bint al-Tabari*. Kitab ini diselenggara serta disusun oleh ilmuwan bernama Salah al-Din Khalil bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Aqfahsi (w.820H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.4 Al-Shaykhah al-Hurrah (719-805H)

Tokoh ilmuwan wanita terbilang. Nama lengkap beliau ialah Ummu 'Isa Maryam binti Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Adhra'iyyah al-Misriyyah. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mu'jam al-Hurrah*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ilmuwan bernama Ibn Hajar al-'Asqalani (w. 852H). Ia terdiri daripada satu jilid serta tersimpan dalam bentuk manuskrip di Dar al-Kutub al-Misriyyah. Terdapat juga satu salinan yang diletakkan dalam jagaan Pusat Manuskrip Kaherah (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.5 'Aishah al-Maqdisiyyah (723-816H)

Tokoh ilmuwan wanita terbilang. Nama lengkap beliau ialah 'Aishah binti Muhammad bin 'Abd al-Hadi bin 'Abd al-Hamid bin 'Abd al-Hadi ibn Yusuf bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdisiyyah. Beliau berada pada kedudukan sebagai individu terakhir yang masih hidup pada zamannya yang memperolehi pendengaran hadis-hadis kitab *Sahih al-Bukhari* secara *al-sama'* daripada tokoh penting lagi masyhur iaitu al-Hajjar. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Mashyakhah 'Aishah al-Maqdisiyyah* (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.6 'Aishah al-Halabiyyah (760-824H)

Merupakan ilmuwan wanita solehah terbilang. Nama lengkap beliau ialah 'Aishah binti 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Hashim bin 'Abd al-Wahid bin Abi Hamid bin 'Asha'ir al-Halabiyyah. Beliau mempunyai dua saudara perempuan yang dikenali dengan Fatimah dan Qafjaq. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Asanid wa Marwiyyat al-Shaykhah 'Aishah*. Judul ini ada direkodkan dalam *I'lam al-Ruwat al-Muhaddithin* (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.7 Bint al-Yafi'i (768-846H)

Merupakan ilmuwan wanita solehah terbilang. Nama lengkap beliau ialah Ummu al-Masakin Zaynab binti al-'Afif 'Abd Allah bin As'ad bin 'Ali bin Sulayman bin Falah al-Yafi'i al-Yamani al-Makki al-Shafi'i. Beliau

memiliki dua saudara lelaki bernama Muhammad dan ‘Abd al-Wahhab. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *al-Fawa'id al-Hashimiyyah* atau juga dikenali dengan judul *Mashyakhah bint al-Yafi'i*. Karya ini diselenggara serta disusun oleh ilmuwan bernama Najm al-Din Muhammad al-Mad'u 'Umar bin Muhammad ibn Fahad al-Maliki (w. 885H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.8. Sarah (769-855H)

Merupakan ilmuwan wanita solehah lagi terbilang. Nama lengkap beliau ialah Ummu Muhammad Sarah binti al-'Izz 'Umar bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim ibn Sa'ad Allah ibn Jama'ah al-Kannani al-Hamawi al-Qahiri. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau. Ia berjudul *Mashyakhah Sarah binti al-'Izz bin Jama'ah*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ilmuwan bernama Najm al-Din 'Umar bin Muhammad bin Muhammad ibn Fahad (w. 885H). Manuskrip asal karya ini ada tersimpan di Perpustakaan al-Khalidiyyah di Quds, Palestin dan sesalinan tersimpan di Pusat Manuskrip di Kaherah (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.9. Binti al-Mihrani (783-867H)

Merupakan ilmuwan wanita solehah lagi terbilang. Nama lengkap beliau ialah Ummu 'Abd Allah, Ummu al-Hasan, Asma' binti al-Jamal Abi Bakr 'Abd Allah bin Hasan bin Abi Bakr al-Mihrani al-Dimashqiyyah. Terdapat dua karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau sebagaimana berikut (al-Mar'ashli, 2002).

- a. *Mashyakhah binti al-Mihrani*. Karya ini diselenggara dan disusun oleh ilmuwan bernama Qutb al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khaydiri (w. 893H).
- b. *Al-Fath al-Asma al-Rabbani fi Mashyakhah Asma' binti al-Mihrani*. Karya ini diselenggara dan disusun oleh ilmuwan bernama Shihab al-Din Abi al-'Abbas Ahmad bin Khalil bin Ahmad ibn al-Labudi al-Salihi al-Dimashqi (w. 896H).

4.3.10. Ummu Hani' Ibnah al-Hurini (778-871H)

Merupakan tokoh wanita solehah lagi terbilang yang digelar dengan gelaran Ummu Hani'. Nama lengkap beliau ialah Maryam binti 'Ali bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Mu'min bin 'Abd al-Malik al-Huriniyyah. Beliau menetap di Mesir dan bermazhab al-Shafi'i. Terdapat sebuah karya *thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Fihrist Ibnah al-Hurini*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ahli hadis terkenal bernama Shams al-Din Muhammad ibn 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (w. 902H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.11. Hajar al-Qudsiyyah (790-874H)

Merupakan tokoh *musnidah* yang mendapat julukan *al-mukthirah* iaitu yang banyak meriwayatkan rantai sanad ilmu-ilmu pengajian Islam. Bertepatan dengan itu, beliau turut menjadi sandaran atau sumber kesinambungan sanad dalam kalangan ilmuwan pada zamannya. Nama lengkap beliau ialah Ummu al-Fadl Hajar binti Sharaf al-Din Abi al-Fadl Muhammad bin Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-'Aziz al-Maqdisiyyah. Bapa beliau merupakan ahli hadis ternama pada zamannya. Terdapat hanya sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau. Ia berjudul *Mashyakhah al-Muhaddithah Ummu al-Fadl Hajar al-Qudsiyyah*. Karya ini diselenggarakan serta disusun oleh ahli hadis terkenal bernama Shams al-Din Muhammad ibn 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (w. 902H). Manuskrip asal karya ini tersimpan di Pusat al-Mahmudiyyah di Madinah (al-Mar'ashli, 2002).

4.3.12. Khadijah al-Armawiyyah (w. 895H)

Merupakan tokoh *musnidah* terbilang. Nama lengkap beliau ialah Ummu 'Abd al-Razzaq Khadijah binti al-Muwaffaq 'Abd al-Karim bin Muhammad bin Isma'il al-Armawi al-Dimashqi al-Salihi. Terdapat sebuah karya sanad/*thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *'Arba'un Hadithan 'an 'Arba'in Shaykhan min Shuykh Khadijah al-Armawiyyah*. Karya ini diselenggara dan disusun oleh ilmuwan bernama Yusuf bin Hasan Ibn 'Abd al-Hadi (w. 909H) (al-Mar'ashli, 2002).

4.4 Tokoh dan Karya Thabat Musnid Wanita Kurun ke 14H

a. Amatullah al-Dihlawiyyah (1251-1357H)

Nama lengkap beliau ialah Amatullah bin 'Abd al-Ghani bin Abi Sa'id Ahmad bin 'Abd al-'Aziz bin 'Isa al-'Umariyyah al-Dihlawiyyah al-Madaniyyah al-Naqshabandiyyah. Beliau merupakan tokoh *musnid* wanita kelahiran Madinah kurun ke 14H. Beliau mendapat gelaran *al-Mu'ammarah* bertepatan dengan usia beliau yang



panjang sekitar 107 tahun. Beliau merupakan anak perempuan kepada Shaykh ‘Abd al-Ghani (w.1296H) yang merupakan tokoh besar dalam bidang hadis (al-Mar‘ashli, 2002).

Bapa beliau banyak membimbing serta membangunkan keserjanaan beliau sehingga mencapai taraf ilmuwan wanita yang disegani. Beliau menimba pelbagai cabang ilmu-ilmu Islam termasuk al-Quran serta hadis daripada bapanya. Antaranya, beliau meriwayatkan *al-kutub al-sittah* menerusi metode *al-sama’* daripada bapa beliau berkali-kali sepanjang hayat bapanya. Selain itu, beliau turut meriwayatkan banyak hadis *al-musalsalat* secara berkesinambungan kepada bapa beliau menerusi metode *al-ijazah*. Beliau cenderung serta berusaha memiliki banyak *ijazah* sanad periwayatan hadis-hadis ini sejak usia muda lagi sehingga ramai ulama yang memberi *ijazah* tersebut kepada beliau. Sebahagian daripada ulama ini juga termasuk dalam kalangan guru kepada bapa beliau. Justeru hal ini menjadikan beliau turut seperguruan dengan sebahagian daripada guru-guru kepada bapa beliau tersebut (al-Mar‘ashli, 2002).

Berikutan pengaruh ketokohan bapa beliau dalam bidang hadis, Amatullah al-Dihlawiyyah berkesempatan menuntut ilmu secara *ijazah* dan *talaqqi* dengan ramai tokoh hadis pada zamannya. Beliau turut komited membuka pengajian khusus untuk wanita. Beliau hidup dalam tempoh yang panjang iaitu sekitar 62 tahun selepas kewafatan bapanya. Dalam tempoh ini beliau berkhidmat meneruskan kesinambungan periwayatan rantaian sanad ilmu hadis bapa beliau menerusi kaedah *talaqqi* iaitu *al-sama’* dan *al-ijazah* berteraskan kitab-kitab seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Musannaf ibn Abi Shaybah*, *al-Awa’il al-‘Ajluniyyah*, *al-Fawa’id al-Jalilah*, *al-Musalsalat al-Witriyyah* serta sejumlah *hizib*. Majlis *sama’* hadis kendalian beliau dihadiri oleh ramai ilmuwan ketika itu yang berhasrat menyambung sanad terhadap bapanya menerusi perantaraan beliau. Ini adalah kerana kedudukan periwayatan beliau adalah diiktiraf sebagai sanad tinggi untuk jalur sanad hadis India. Dalam erti kata lain, kematian beliau akan menurunkan sanad kepada satu kurun. Antara murid *talaqqi* dan *ijazah* beliau yang terkemuka ialah Shaykh Ahmad Siddiq al-Ghummari dan Shaykh Yasin al-Fadani. Kebiasaannya beliau akan menulis *ijazah* kepada hadirin yang hadis dalam majlis tersebut (al-Mar‘ashli, 2002).

Terdapat sebuah karya *thabat* yang dihubungkan dengan beliau iaitu berjudul *Ijazah Amatullah al-Dihlawiyyah li Yasin al-Fadani*. Karya ini merupakan karya besar yang menghimpunkan banyak rantaian sanad terhadap kitab-kitab yang berkesinambungan antara generasi demi generasi yang menonjolkan ketinggian penguasaan serta keluasan keilmuan beliau dalam bidang ini (al-Mar‘ashli, 2002).

4.4 Tokoh dan Karya Thabat Musnid Wanita Kurun ke 15H


4.5.1 ‘Aishah Sunbul (1340-1415H)

Merupakan tokoh *musnidah* solehah kelahiran Madinah al-Munawwarah. Nama lengkap beliau ialah Ummu Tahir ‘Aishah binti Abi al-Jamal Tahir bin ‘Umar bin ‘Abd al-Muhsin bin Muhammad Tahir bin Muhammad Sa’id bin Muhammad Sunbul. Beliau kehilangan bapa ketika berusia tiga tahun. Namun bapa beliau berkesempatan memberi *ijazah* periwayatan ilmu-ilmu Islam yang dimiliki oleh bapa beliau kepada beliau yang masih lagi kecil pada masa tersebut. Lantaran itu, beliau merupakan individu tunggal yang mendapat izin periwayatan rantaian sanad ilmu daripada bapanya. Di penghujung usianya, beliau banyak meriwayatkan ilmu-ilmu Islam di Mekah, Madinah, Jeddah dan Iskandariyyah. Beliau menjadi tumpuan para ulama dunia Islam terutama di penghujung usia untuk memohon *ijazah* periwayatan ilmu bapa beliau berperantarakan beliau. Antara murid *ijazah* beliau yang terkenal ialah ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah (w. 1417H). Terdapat sebuah karya *thabat* yang dihubungkan kepada beliau iaitu berjudul *Thabat ‘Aishah binti Tahir Sunbul*. Karya ini disusun serta diselenggarakan oleh cucu beliau yang bernama Ahmad bin ‘Abd al-Malik ‘Ashur al-Makki (al-Mar‘ashli, 2002).

5. Perbincangan

Terdapat lima perbincangan penting hasil daripada dapatan kajian di atas yang dihuraikan sebagaimana berikut.

5.1 Umur panjang



Rajah 2 Taburan Umur 27 Tokoh Musnid Wanita

Rajah 2 memaparkan keseluruhan 23 orang *musnid* wanita dapat ditakrifkan secara umumnya adalah berumur panjang kerana melepasi angka 60 tahun. Ia berasaskan sabda Nabi SAW:

أَعْمَارُ أُمَّتِي مَا بَيْنَ السِّتِينَ إِلَى السَّبْعِينَ، وَأَقْلَهُمْ مَنْ يَجُوزُ ذَلِكَ

Maksudnya: “Umur-umur umatku di antara 60 hingga 70 tahun dan amat sedikit yang lebih daripada itu.” [al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Da‘awat ‘an al-Rasul, Bab fi Du‘a’ al-Nabiyy SAW, no. hadis 3473. *Hasan gharib*]


Pada dasarnya, umur mereka yang panjang tersebut membawa manfaat untuk terus aktif meriwayatkan salasilah sanad ilmu kepada generasi muda yang hidup sezaman dengan mereka Mereka termasuk dalam kalangan umat Muhammad yang terbaik sejajar dengan hadis berikut:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسَنَ عَمَلُهُ.

Daripada ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakrah RA daripada bapanya berkata, seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang terbaik?” Rasulullah SAW menjawab: “Siapa yang panjang usianya dan baik amalannya.” {al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-zuhud, Bab fi tul al-‘umr li al-mu’minin, no. hadis 2252. *Hasan sahih.*}

Antara keberkatan atau kelebihan terbesar panjang umur dalam kalangan *musnid* atau pengamal sanad adalah dapat membentuk jaringan ketinggian sanad yang disebut dengan istilah sanad tinggi. Kelebihan sanad tinggi dalam epistemologi ilmu sanad Islam adalah rantaian sanad sebegini dapat mengurangkan bilangan perawi supaya lebih hampir dengan Rasulullah SAW (al-Nadwi, 2001). Amatullah al-Dihlawiyah (1251-1357H) *musnid* wanita kurun ke 14H merupakan contoh paling tepat dalam aspek ini. Beliau memiliki umur yang betul-betul panjang iaitu 107 tahun dan serentak dengan itu, jaringan rantaian sanad hadis beliau dapat diiktiraf sebagai sanad tinggi untuk jalur salasilah sanad ilmuwan India. Kematian beliau telah menurunkan rantaian sanad kepada satu kurun. Ini menjadikan rantaian sanad bertambah seorang perawi iaitu terdiri daripada murid beliau selaku perantara kepada beliau.

5.2 Negara Penyumbang Musnid Wanita



Rajah 3 Taburan Negara 27 *Musnid* Wanita

Rajah 3 memaparkan lima buah negara asal usul 23 orang tokoh *musnid* wanita kajian. Ia terdiri daripada Mekah, Madinah, Mesir, Palestin dan Syiria. Ini menunjukkan lima buah negara ini mempunyai latar belakang pengajian Islam yang bersanad. Syiria merupakan negara penyumbang terbanyak dalam melahirkan *musnid* wanita berwibawa dan diikuti oleh negara Palestin dan Mesir. Justeru itu, kelima buah negara ini dapat diiktiraf sebagai sumber penyebaran sanad kategori salasilah wanita dalam dunia Islam khususnya pada kurun ke tujuh, lapan, sembilan, 14 dan 15 hijrah. Dapatan ini, pada masa yang sama menunjukkan ketiadaan tokoh *musnid* wanita berketurunan Melayu daripada negara-negara wilayah Nusantara seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand. Kendati pun mereka kemungkinan wujud dalam rekod bibliografi tempatan masing-masing.

5.3 Kategori Penyusun Karya Sanad




Rajah 4 Taburan Kategori Penyusun Karya Sanad

Rajah 4 memaparkan kategori penyusun sebenar karya sanad 17 tokoh *musnid* wanita kajian. Baki sebanyak 10 orang tokoh lagi tidak dinyatakan maklumat berkaitan. Hanya seorang tokoh yang menyusun sendiri karya sanad beliau iaitu Amatullah al-Dihlawiyah (1251-1357H). Manakala selebihnya iaitu 16 orang tokoh didapati karya-karya sanad mereka diselenggara oleh anak murid mereka. Hal ini menunjukkan dalam aspek pendokumentasian salasilah sanad, 16 orang tokoh ini adalah lebih bergantung kepada keprihatinan anak murid. Para murid tersebut bertindak atau berkhidmat menyusun karya-karya sanad yang memuatkan rantaian sanad

guru-guru *musnid* wanita tersebut demi merealisasikan penjagaan dan pemeliharaan sanad mereka agar tidak lenyap ditelan zaman.

5.4 Faktor Penglibatan



Rajah 5 Faktor Penglibatan

Rajah 5 memaparkan bahawa terdapat dua faktor utama penglibatan 27 tokoh *musnid* wanita ini dalam kegiatan periwayatan salasilah sanad ilmu pengajian Islam terutama hadis, iaitu pengaruh keluarga dan keprihatinan murid. Latar belakang keluarga terutamanya bapa yang merupakan tokoh disegani dalam dunia sanad serta keilmuan Islam telah mencetuskan dorongan, minat dan kecenderungan dalam jiwa mereka terhadap ilmu ini. Amatullah al-Dihlawiyah (1251-1357H) dan ‘Aishah Sunbul (1340-1415H) antara contoh yang mendapat mandat khusus daripada pihak bapa untuk meneruskan kesinambungan periwayatan salasilah sanad bersangkutan.

Seterusnya, dalam konteks penghasilan karya sanad, kebanyakan tokoh telah bergandingan dengan anak murid mereka untuk mendokumentasi sanad periwayatan yang dimiliki. Kerjasama ini adalah demi kemudahan ke dua-dua belak pihak supaya kesinambungan periwayatan mereka dapat dikekalkan secara fizikal (karya) mahupun secara amali (riwayat murid). Keprihatinan murid dalam memohon *ijazah* berteraskan karya yang disusun khas atas tujuan tersebut mendorong para *musnid* wanita ini terlibat secara langsung dalam arena ini.

6.0 KESIMPULAN

Penemuan profil 27 tokoh *musnid* wanita beserta 31 buah karya *thabat* atau karya sanad mereka dapat menjadi sumber inspirasi dalam kalangan ilmuwan wanita khususnya di belahan Nusantara agar turut terlibat dalam arena periwayatan salasilah sanad ilmu pengajian Islam terutama ilmu hadis. Penglibatan seumpama ini sekali gus dapat meneruskan legasi keserjanaan wanita dalam bidang ini terutama di benua Nusantara. Ini adalah kerana, keberadaan *musnid* wanita berketurunan Nusantara bukan setakat kurang, bahkan ilmu periwayatan sanad hampir lenyap daripada dikuasai oleh para wanita di benua ini. Tiada satu pun tokoh *musnid* wanita yang direkodkan berasal daripada Nusantara dalam ensiklopedia kajian walaupun tidak mustahil mereka wujud dalam rekod bibliografi tempatan yang lain.

Justeru ilmuwan *musnid* Nusantara sedia ada sama ada lelaki atau wanita perlu meningkatkan pembabitan wanita dalam bidang ini. Manakala kajian lanjutan perlu dilakukan bertujuan merekodkan tokoh *musnid* wanita Nusantara beserta karya sanad mereka. Pada masa yang sama kajian tersebut berpotensi untuk mengesan kewujudan *musnid* wanita langka yang masih hidup pada masa kini. Hal ini memberi peluang untuk ilmuwan wanita mutakhir terutama dalam lingkungan benua Nusantara dapat mengaktifkan kembali kesinambungan periwayatan salasilah sanad menerusi metode *ijazah* daripada mereka. Seterusnya dapat memenuhi tuntutan



fardhu kifayah dalam aspek ini serta dapat mengekalkan stabiliti kecemerlangan wanita muslim dalam keilmuan sanad dunia Islam pada setiap zaman.

RUJUKAN

- Abu Ghuddah, A.F. (1992). *Al-Isnad min al-din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Brown, J.A.C. (2009). *Hadith muhammad's legacy in the medieval and modern world*. Oxford: Oneworld Publications.
- al-Dihlawi, S.W.A.A. (2009). *Al-Irshad ila Muhimmat al-Isnad*. Tahqiq: Badr bin 'Ali bin Tami al-'Utaibi. t.tp: Dar al-Afaq.
- Ghassan 'Isa, M. H. (2014). Kutub al-athbat wa dauruha fi hizf turath ahl al-hadith. *Majalla jami'ah al-qudsi al-maftuha li al-abhath wa al-dirasat- Jilid 2* (39): 189-229.
- al-Ghawri, S.A.M. (2007). *Mu'jam al-mustalahat al-hadithiyya*. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-Salah, U.A.S. (2003). *Siyana sahih muslim min al-ikhlah wa al-ghalat wa himayatuh min al-isqat wa al-saqat*. Tahqiq: Farid 'Abd al-'Aziz al-Jundi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.
- al-Kattani, A.H.A. (1982). *Fahras al-faharis wa al-athbat wa mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhat wa al-musalsalat*. Tahqiq: Ihsan 'Abbas. Jil. 1 & 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Khatib, M.A. (1989). *Usul al-hadith 'ulumuh wa mustalahuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Mar'ashli, Y.A. (2002). *Mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktaba al-Rushd.
- Mahmud Mamduh, M.S. (2009). *al-Ittijahat al-hadithiyyah fi al-qarn al-rabi' 'ashar*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Muhammad 'Atiyyah. (2017). al-Mar'a wa riwayat al-hadith.[atas talian] Artikel muat turun daripada <https://islamonline.net/23343> (11 April, 2023)
- al-Nadwi, M.A. (2001). *Bughya al-mutabi' li asanid al-'allama al-sharif Muhammad al-Rabi'*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Nadwi, M.A. (2021). *al-Wafa' bi Asma' al-Nisa' Mausua' Tarajim 'A'lam al-Nisa' fi al-Hadith al-Nabawiyy al-Sharif*. Beirut: Dar al-Najah & Arab Saudi: Dar al-Minhaj.
- al-Shahawi, S.A.M. (2014). Min aujuh takrim al-mar'a fi al-Islam Hathaha ala talab al-'ilm wa dauruha fi ta'limih. *Majalla al-Da'i al-Shuhriyya*. Bil 6-7. [atas talian] Muat turun daripada <http://darululoom-deoband.com/arabic/magazine/tmp/1398056390fix4sub4file.ht> (11 April 2023)
- al-Tarmasi, M.M.A. (1987). *Kifayah al-mustafid lima 'ala minal-asanid*. Tahqiq: Muhammad bin 'Isa al-Fadani. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Gambar pengarang dimuat turun daripada <https://www.facebook.com/dr.marashly/> (11 April 2023)
- Gambar muka hadapan karya dimuat turun daripada <https://waqfeya.net/book.php?bid=7675> (11 April 2023)
- Takhrij hadis dimuat turun daripada <https://www.islamweb.net/ar/library/index.php> (11 April 2023)